

BANK ISLAM IKTIRAF PENABUNG DAN USAHAWAN CEMERLANG MENERUSI AWFAR DAN iGAIN DI KARNIVAL BANK ISLAM 2026

KOTA BHARU, KELANTAN, Sabtu, [12 September 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini mengiktiraf pelanggan yang mengamalkan disiplin kewangan dan menunjukkan daya tahan keusahawanan menerusi penyampaian hadiah kempen iGAIN SME Fortune Drive 2025 dan AWFAR 2026 sempena Karnival Bank Islam 2026 di Mydin Mall, Tunjong, Kota Bharu. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen Bank Islam dalam membudayakan simpanan yang konsisten serta menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam berkata, "Sebagai institusi perbankan Islam yang berteraskan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat, Bank Islam akan terus memperkasa pelanggan melalui penyelesaian kewangan patuh Syariah yang inovatif, program literasi kewangan dan inisiatif yang menyokong pembangunan komuniti."

Majlis penyampaian hadiah tersebut merupakan antara acara kemuncak Karnival Bank Islam 2026, sebuah platform yang menghimpunkan pelanggan dan masyarakat melalui pelbagai aktiviti interaktif, program literasi kewangan, sesi kesedaran scam, aktiviti kekeluargaan dan program komuniti.

Ketua Pegawai Perniagaan – Perbankan Runcit Kumpulan Bank Islam, Mizan Masram menyokong kenyataan ini, "Melalui produk seperti AWFAR dan iGAIN, Bank Islam bukan sahaja memberi ganjaran kepada pelanggan, malah menggalakkan amalan kewangan yang bertanggungjawab dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kami percaya bahawa disiplin kewangan yang konsisten serta pengurusan perniagaan yang berhemat merupakan asas penting kepada kesejahteraan kewangan jangka panjang."

"Kini, pelanggan boleh membuka Akaun AWFAR pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui aplikasi BIMB Mobile. Ia menjadikan akses kepada penyelesaian simpanan patuh Syariah lebih mudah dan lancar, serta memberi peluang kepada pelanggan memenangi pelbagai hadiah menarik seperti wang tunai, kenderaan mewah dan barang kemas." tambah Mizan.

Kempen iGAIN mengiktiraf pelanggan dan usahawan yang berjaya mengembangkan potensi perniagaan mereka melalui pengurusan kewangan yang mampan, manakala kempen AWFAR pula menggalakkan budaya menabung secara konsisten sebagai asas kepada kesejahteraan kewangan jangka panjang.

Seramai tiga (3) pemenang menerima pengiktirafan menerusi kempen iGAIN SME Fortune Drive 2025 yang berlangsung dari 2 September – 31 Disember 2025, manakala lima (5) pemenang lagi diraikan di bawah kempen AWFAR untuk kategori Cabutan Utama Bulanan. Keseluruhan hadiah yang disampaikan pada majlis ini bernilai kira-kira hampir RM2.5 juta.

Kempen iGAIN SME Fortune Drive 2025

Pemenang	Hadiah
Nubex Sdn. Bhd.	Toyota Hilux Double Cab 2.4E AT 4WD
Pantai Bharu Plantation Sdn. Bhd.	Wang tunai RM20,000
MFD Solution Sdn. Bhd.	
Perbudi Sdn. Bhd.	Wang tunai RM10,000
Isaq Jaya Sdn. Bhd.	
Nazri Azmi Islinda	
Tetuan Rayhar Travels Sdn. Bhd.	

Kempen AWFAR 2026

Cabutan Bulan	Pemenang	Hadiah
Mei	Muzakkir Aman	Barang kemas bernilai RM500,000
Jun	Mohd Jusre Abdul Razak	Wang tunai RM1 juta
Julai	Halim Salleh	Wang tunai RM250,000
Julai	Hakim Khan Mohd Khan	
Ogos	Nurul Amirah Ali	Mercedes-Benz GLA 250 4MATIC AMG Line FL (CKD)

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan berteraskan nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Bank Islam, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.